

# ANJING DAN AKAL BUDI MELAYU: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

## *(Dogs and Malay Wisdom: An Inquisitive Semantics Analysis)*

Mohd Ridzuan Md Nasir  

ridzuan@ipgm.edu.my

Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Baharu, 16109 Kota Baharu, Kelantan, Malaysia.

Rujukan makalah ini (To cite this article): Mohd Ridzuan Md Nasir. (2026). Anjing dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 26(1), 31–56. [https://doi.org/10.37052/jb26\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jb26(1)no2)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda  
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: Received:	29/12/2025	Semakan: Revised	5/3/2026	Terima: Accepted:	27/4/2026	Terbit dalam talian: Published online:	30/6/2026
-----------------------	------------	---------------------	----------	----------------------	-----------	---	-----------

### Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk meneliti asas yang mempengaruhi pembentukan peribahasa Melayu berunsurkan anjing yang secara umumnya sering membawa maksud negatif. Makna kamus sahaja tidak memadai untuk memahami falsafah dan akal budi yang mendasari pemilihan imej anjing dalam pembentukan peribahasa Melayu. Data kajian diperolehi daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (2016), yang merekodkan sebanyak 38 peribahasa berunsurkan anjing. Analisis awal mendapati bahawa kebanyakan peribahasa tersebut mempunyai konotasi sifat yang buruk, hina dan jijik. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengkategorikan data, manakala pendekatan semantik inkuisitif diaplikasikan bagi menghuraikan makna secara berperingkat dengan mengaitkan data autentik, kognitif penutur dan akal budi Melayu. Walaupun keseluruhan data dianalisis secara tematik, hanya satu peribahasa daripada domain peri laku sosial negatif dipilih untuk dianalisis secara mendalam. Pemilihan ini dilakukan untuk memenuhi tuntutan analisis kualitatif interpretatif yang menekankan kedalaman huraian makna berbanding dengan kuantiti data. Dapatan kajian membuktikan bahawa pengaruh Islam berperanan

penting dalam pembentukan persepsi makna dalam peribahasa yang berunsurkan anjing. Haiwan ini dikaitkan dengan status najis mughallazah dan haram dipelihara tanpa sebab yang dibenarkan oleh syarak, di samping memiliki ciri-ciri yang dipandang negatif, seperti tamak, hina, jahat dan penakut. Rumusannya, peribahasa Melayu yang berunsurkan anjing bukan sekadar metafora bagi sifat yang tidak baik, tetapi merupakan manifestasi akal budi Melayu yang membezakan kedudukan imej haiwan ini berdasarkan pandangan agama dan sosiobudaya masyarakat. Implikasinya, kajian ini memperkukuh pemahaman tentang hubungan antara bahasa, budaya dan agama dalam masyarakat Melayu, serta membuka ruang penyelidikan lanjut tentang pemaknaan fauna lain dalam usaha untuk mendokumentasikan falsafah dan kearifan tempatan.

Kata kunci: Peribahasa Melayu, anjing, semantik inkuisitif, teori relevans, akal budi Melayu, sosiobudaya

#### ***Abstract***

*This study aims to examine the underlying factors that influence the formation of Malay proverbs featuring dogs, which generally convey negative connotations. Dictionary definitions alone are insufficient to explain the philosophy and wisdom underlying the selection of dog imagery in the construction of Malay proverbs. The data for this study consisted of 38 dog-related Malay proverbs identified from Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (2016). Preliminary analysis revealed that most of these proverbs convey negative characteristics associated with disgrace, inferiority, and disgust. This study employed content analysis to categorise the data, while an inquisitive semantics approach was applied to explain meaning progressively by relating authentic data, speakers' cognition, and the Malay worldview. Although all the data were analysed thematically, only one proverb from the domain of negative social behaviour was selected for in-depth analysis. This selection was made to fulfil the requirements of interpretive qualitative analysis, which emphasises depth of meaning over the quantity of data. The findings demonstrate that Islamic influence plays a pivotal role in shaping the perception of meaning in dog-related proverbs. Dogs are linked to the status of najis mughallazah (severe ritual impurity) and the prohibition against keeping them without a reason permitted by Islamic law, in addition to being associated with negative traits such as greed, inferiority, wickedness, and cowardice. In conclusion, dog-related Malay proverbs are not merely metaphors for undesirable traits but also manifestations of the Malay worldview, reflecting the distinctive position accorded to this animal through religious and sociocultural*

*perspectives. The study strengthens understanding of the relationship between language, culture, and religion in Malay society while opening avenues for further research into the meanings associated with other fauna as part of efforts to document local philosophy and indigenous wisdom.*

*Keywords: Malay proverbs, dogs, inquisitive semantics, relevance theory, Malay wisdom, sociocultural*

## **PENDAHULUAN**

Peribahasa merupakan medium yang merakamkan pemikiran, nilai dan pandangan semesta masyarakat Melayu. Setiap peribahasa terbentuk melalui pemerhatian yang teliti terhadap alam, kehidupan sosial dan pengalaman kolektif yang membentuk akal budi penuturnya. Dalam tradisi lisan Melayu, pemilihan diksi, serta imej alam, seperti flora dan fauna, mempunyai alasan kognitif yang tersendiri dan tidak berlaku secara sewenang-wenangnya (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Antara imej fauna yang terdapat dalam korpus peribahasa Melayu termasuklah anjing. Kehadiran imej ini memperlihatkan suatu keunikan yang memerlukan penelitian khusus kerana makna yang dikaitkan dengannya hampir sentiasa bersifat peri laku sosial negatif (Abdullah Hussain, 2016).

Secara global, anjing sering dikenali sebagai haiwan yang setia dan berguna dalam pelbagai budaya barat atau budaya timur. Menurut Serpell (1996), dalam konteks budaya Barat, anjing lazimnya dianggap sebagai simbol kesetiaan, perlindungan dan persahabatan antara manusia dengan haiwan. Hubungan ini terbina sejak proses domestikasi anjing yang berlaku ribuan tahun dahulu apabila manusia menggunakan haiwan tersebut untuk membantu dalam pemburuan, penjagaan ternakan dan perlindungan kawasan kediaman. Seiring dengan perkembangan masyarakat moden, peranan tersebut berkembang kepada fungsi sebagai haiwan peliharaan dan haiwan pendamping yang mempunyai hubungan emosi yang rapat dengan manusia. Dalam kalangan masyarakat Barat, anjing sering dianggap sebagai sebahagian daripada keluarga kerana sifatnya yang setia, mudah dilatih dan mampu membina hubungan sosial yang erat dengan manusia (*Encyclopedia Britannica*, 2024; Serpell, 1996). Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu cenderung untuk menilai imej tersebut sebagai perlambangan sifat yang tercela. Peribahasa Melayu yang menggunakan imej anjing sering merujuk perangai buruk, kelakuan tidak bermoral dan darjat sosial yang rendah (Abdullah Hussain, 2016).

Ketidaksepadanan antara sifat semula jadi anjing dengan konotasi negatif ini menimbulkan persoalan tentang faktor yang menentukan pemilihan imej tersebut sebagai lambang keburukan dalam kognitif penutur Melayu.

Persoalan ini tidak dapat dijelaskan melalui pemaknaan literal atau rujukan kamus semata-mata kerana pembentukan makna dalam peribahasa dipengaruhi oleh jaringan pengetahuan budaya dan pengalaman sejarah yang kompleks (Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2024). Dalam kajian Imran Ho Abdullah (2011), imej anjing dijelaskan sebagai unsur yang digunakan untuk memetakan sifat manusia yang hina melalui proses metafora konseptual. Walaupun kajian tersebut membuktikan adanya asas kognitif yang jelas, huraianya lebih menumpukan mekanisme pemetaan metafora dan belum secara mendalam menyentuh aspek norma budaya dan sistem nilai kepercayaan masyarakat yang melatari pemilihan tersebut.

Keadaan ini menunjukkan bahawa wujudnya kelompangan kajian, khususnya bagi menghuraikan perkaitan antara budaya dengan keagamaan secara terperinci. Kedudukan hukum syarak mengenai status anjing dalam Islam dan pengaruhnya terhadap akal budi Melayu masih memerlukan penelitian yang lebih menyeluruh. Setakat ini, masih kurang kajian yang menerapkan pendekatan semantik inkuisitif bagi membongkar rasional di balik pemilihan imej anjing dalam peribahasa Melayu. Oleh itu, kajian yang meneliti peribahasa berunsurkan anjing dari sudut falsafah, agama dan sosiobudaya wajar dilakukan bagi mengisi jurang pengetahuan tersebut.

Pengkaji memilih pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) kerana keupayaannya untuk meneliti hujah budaya yang mempengaruhi pembentukan makna sehingga akar umbi. Fokus diberikan terhadap rasional yang menggerakkan intuisi Melayu sehingga memilih anjing sebagai lambang terhadap perlakuan manusia yang negatif. Melalui pendekatan ini, pengkaji menghuraikan falsafah, pandangan agama dan pertimbangan sosiobudaya yang melatari persepsi masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti peribahasa Melayu yang berunsurkan imej anjing berdasarkan *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*.
2. Menganalisis rasional pemilihan imej anjing dalam peribahasa terpilih menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.
3. Menghuraikan rasional pemilihan imej anjing dalam peribahasa Melayu berdasarkan asas agama, budaya dan akal budi masyarakat Melayu.

## KAJIAN LEPAS

Pendekatan semantik inkuisitif diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin pada tahun 2014 menerusi buku *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Pendekatan ini membuka landasan baharu dalam bidang linguistik, khususnya dalam kajian semantik dan pragmatik dengan penawaran kerangka analisis yang mampu mencerakinkan data bahasa yang bersifat implisit, seperti peribahasa, pantun dan teks klasik. Sejak diperkenalkan, pendekatan ini dimanfaatkan secara meluas oleh banyak sarjana, khususnya dalam penelitian peribahasa Melayu yang menggunakan imej alam sebagai perlambangan makna.

Dengan berdasarkan pemerhatian terhadap kajian terdahulu, aplikasi semantik inkuisitif didapati banyak tertumpu pada peribahasa yang berunsurkan fauna (Mohd Ridzuan Md Nasir & Mary Fatimah Subet, 2024). Kajian ini merangkumi pelbagai kategori haiwan, seperti aves, mamalia dan reptilia. Secara kolektif, dapatan kajian ini menunjukkan satu pola sintesis yang konsisten, iaitu masyarakat Melayu memetakan makna berdasarkan pemerhatian terhadap sifat semula jadi haiwan dan pengalaman budaya yang melatari interaksi manusia dengan haiwan tersebut. Seajar dengan fokus kajian ini yang meneliti peribahasa bersumberkan anjing, perbincangan ini menumpukan kajian lepas yang menggunakan subjek haiwan sebagai asas analisis.

Dalam kategori aves, Muhammad Zaid Daud et al. (2021) menganalisis imej burung gagak dalam peribahasa Melayu dari sudut konotasi negatif. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa walaupun sains moden mengiktiraf gagak sebagai burung yang pintar, akal budi Melayu tetap menilainya secara negatif berdasarkan pemerhatian budaya terhadap rupa fizikal dan tingkah laku burung tersebut. Selari dengan itu, Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2022) yang mengkaji imej ayam dalam peribahasa Melayu mendapati bahawa haiwan ini bukan sekadar berfungsi sebagai sumber makanan, malah dijadikan perlambangan bagi sikap berhati-hati, perbuatan sia-sia dan unsur pengkhianatan. Makna ini dicungkil melalui penelitian terhadap ciri biologi dan tabiat ayam yang dekat dengan kehidupan masyarakat.

Peluasan aplikasi semantik inkuisitif turut merangkumi haiwan bersaiz besar dan liar, seperti gajah dan harimau, yang sering dikaitkan dengan konsep kekuasaan. Julaina Nopiah et al. (2023) mendapati bahawa kekuatan fizikal gajah dan corak belang harimau diangkat sebagai simbol kuasa, kepimpinan dan integriti dalam peribahasa Melayu. Sifat semula jadi kedua-dua haiwan ini diselarikan dengan realiti sosial masyarakat

Melayu yang menitikberatkan aspek hierarki dan autoriti. Dapatan ini diperkukuh oleh Mohamad Afiq Hidayat Mohamad Helni dan Nurul Jamilah Rosly (2025) yang menghuraikan penggunaan leksikal harimau dalam pelbagai domain, seperti kepimpinan, kekeluargaan dan sindiran. Pengkaji tersebut membuktikan bahawa imej harimau digunakan secara fleksibel untuk menggambarkan realiti kehidupan masyarakat Melayu yang kompleks dan berlapis.

Selain konteks Melayu, pendekatan semantik inkuisitif juga diaplikasikan dalam kajian bahasa dan budaya bumiputera yang lain. Kajian terhadap peribahasa Iban atau *Sempama Jaku Iban* oleh Rynna Sha'erra Mindew Douglas et al. (2023, 2024) menunjukkan bahawa masyarakat Iban turut menggunakan imej mamalia dan reptilia, seperti kura-kura, labi-labi dan ular tedung, sebagai perlambangan nilai kejujuran, ketelitian dan amaran dalam kehidupan sosial. Penemuan ini memperlihatkan bahawa pemetaan sifat haiwan terhadap peri laku manusia merupakan fenomena budaya yang merentas etnik, namun ditafsirkan berdasarkan sistem nilai masyarakat masing-masing.

Penerapan pendekatan semantik inkuisitif juga merentas sempadan negara, khususnya dalam konteks Nusantara. Dwi Rahma Wilda et al. (2024) di Indonesia membuktikan bahawa pendekatan ini relevan untuk meneliti peribahasa yang berunsurkan alam secara lebih luas. Walaupun kajian tersebut memfokuskan unsur alam secara umum, analisisnya turut membincangkan peribahasa yang mengandungi imej haiwan, seperti kera dan elang (helang). Melalui kerangka semantik inkuisitif, pemilihan leksikal kera dikaitkan dengan habitat arborealnya yang menyebabkan dahan kayu membengkok disebabkan oleh tekanan berulang, manakala elang ditafsirkan sebagai simbol keteguhan dan keberanian berdasarkan keupayaannya untuk menyongsong arus angin. Dapatan ini memperkukuh hujah bahawa pendekatan semantik inkuisitif berupaya untuk mengangkat kearifan tempatan dalam konteks budaya Nusantara secara lebih menyeluruh.

Dengan berdasarkan keseluruhan kajian yang diteliti ini, dapat diperhatikan bahawa kebanyakan penyelidikan terdahulu cenderung untuk memilih haiwan yang mempunyai nilai simbolik yang dianggap “gah”, seperti harimau dan gajah atau haiwan ternakan yang dekat dengan kehidupan manusia, seperti ayam dan itik. Jika dibandingkan secara kritis dengan kajian semantik kognitif oleh Imran Ho-Abdullah (2011) yang lebih memfokuskan mekanisme pemetaan metafora, kajian berasaskan semantik inkuisitif ini mula mengisi ruang penjelasan tentang sebab sesuatu imej

itu dipilih. Namun demikian, masih terdapat kelompangan yang nyata kerana peribahasa yang bersumberkan imej anjing masih belum diteroka secara mendalam menggunakan perspektif semantik inkuisitif, sedangkan haiwan ini sering membawa konotasi yang sensitif, kontroversi dan negatif dalam budaya masyarakat Melayu yang beragama Islam. Hakikat bahawa imej anjing tetap wujud dan berfungsi dalam korpus peribahasa Melayu menunjukkan bahawa haiwan ini berperanan penting dalam penyampaian teguran dan pengajaran sosial. Oleh itu, kajian terhadap peribahasa berunsurkan anjing berpotensi untuk menyingkap dimensi akal budi Melayu yang berbeza, khususnya yang berkaitan dengan hubungan antara agama, budaya dan pemaknaan bahasa, sekali gus mengisi lompong penyelidikan yang masih wujud dalam kajian peribahasa Melayu.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya yang menggunakan kaedah analisis kandungan. Pendekatan ini bersifat interpretatif yang dilakukan untuk menelusuri makna dan rasional budaya di balik pembentukan peribahasa Melayu berunsurkan imej anjing. Sumber data utama kajian ialah *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* oleh Abdullah Hussain (2016) yang digunakan untuk mengutip data peribahasa Melayu berdasarkan pensampelan bertujuan.

Prosedur pengutipan data dilakukan secara sistematik melalui pembacaan menyeluruh terhadap keseluruhan entri kamus tersebut dengan meneliti setiap peribahasa yang mengandungi leksikal “anjing” secara eksplisit. Kriteria “berunsurkan imej anjing” dalam kajian ini merujuk peribahasa yang memaparkan kata nama “anjing” sebagai unsur leksikal utama dalam struktur peribahasa sebagaimana yang tercatat dalam kamus. Kajian ini tidak memasukkan variasi sinonim atau bentuk dialek yang tidak dinyatakan secara langsung dalam kamus tersebut bagi memastikan keseragaman sumber data. Melalui proses pengumpulan data awal, sebanyak 38 peribahasa Melayu yang berunsurkan imej anjing dikenal pasti daripada kamus tersebut.

Semua peribahasa ini kemudiannya dianalisis dan dikelompokkan mengikut domain tertentu berdasarkan konotasi negatif yang terkandung dalam makna harfiahnya seperti yang diterangkan dalam kamus. Pengelompokan domain dilakukan dengan meneliti nilai peri laku atau sifat yang dirujuk bagi maksud setiap peribahasa. Pengelasan ini berasaskan analisis semantik terhadap makna kamus dan disokong oleh rujukan

literatur yang berkaitan dengan nilai dan perlambangan dalam peribahasa Melayu. Langkah ini berfungsi sebagai semakan silang terhadap tafsiran makna bagi mengurangkan kecenderungan bias interpretatif dalam proses pengelompokan domain. Antara domain yang dikenal pasti oleh pengkaji termasuklah tamak dan haloba, hina, jijik dan dibenci, lemah dan penakut, serta peri laku sosial negatif. Domain ini dibentuk oleh pengkaji berdasarkan asosiasi makna kamus peribahasa itu sendiri.

Walau bagaimanapun, sebagai batasan kajian, perbincangan dapatan hanya menumpukan domain peri laku sosial negatif. Pemilihan domain ini dilakukan berdasarkan pertimbangan analitik bahawa domain tersebut memperlihatkan variasi peri laku sosial yang melibatkan hubungan interpersonal secara langsung, khususnya konflik, pengkhianatan dan pertentangan watak. Domain ini juga menunjukkan potensi analisis implikatur dan nilai moral yang lebih kompleks berbanding dengan domain lain yang lebih bersifat deskriptif terhadap sifat individu secara tunggal.

Daripada domain ini, hanya satu peribahasa dipilih untuk dianalisis secara mendalam, iaitu peribahasa “seperti anjing dengan kucing” dengan kod data 3401-MS185. Kod ini dibina berdasarkan sistem rujukan dalam *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (2016), iaitu nombor pertama merujuk nombor entri atau bilangan peribahasa dalam kamus, manakala “MS” merujuk nombor muka surat tempat peribahasa tersebut direkodkan. Sistem kod ini digunakan bagi memastikan ketelusan sumber dan memudahkan proses rujuk silang.

Pemilihan peribahasa “seperti anjing dengan kucing” dilakukan secara pensampelan bertujuan berdasarkan beberapa pertimbangan analitik. Pertama, peribahasa ini memperlihatkan hubungan antagonistik antara dua entiti haiwan secara serentak, sekali gus membuka ruang analisis perbandingan dan pemetaan konflik sosial secara metafora. Kedua, peribahasa ini memperlihatkan bentuk hubungan dua hala yang berterusan (selalu bertengkar), yang membolehkan pengkaji melakukan analisis mendalam terhadap implikatur sosial dan falsafah hubungan interpersonal dalam masyarakat Melayu. Pemilihan satu data ini juga selaras dengan prinsip kajian kualitatif yang menekankan kedalaman analisis berbanding dengan kuantiti data. Menurut Liamputtong (2014), dan Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2018), saiz sampel yang kecil sudah memadai bagi kajian kualitatif asalkan data yang dipilih memenuhi kriteria pensampelan dan mampu menjawab persoalan kajian yang dikemukakan.

Selain itu, pemilihan peribahasa ini tidak dilakukan secara arbitrari atau bersifat selektif semata-mata untuk menyokong andaian awal pengkaji.

Sebaliknya, pemilihan dilakukan berdasarkan kriteria analitik yang jelas, iaitu keupayaan data tersebut untuk memperlihatkan struktur konflik dua hala yang eksplisit, kekayaan implikatur sosial dalam konteks penggunaan sebenar, serta potensi untuk menelusuri rasional pemaknaan secara berlapis melalui kerangka semantik inkuisitif. Dengan penetapan kriteria pemilihan yang dinyatakan secara eksplisit ini, pengkaji berusaha untuk memastikan ketelusan prosedur analisis dan mengurangkan tanggapan bahawa dapatan dibentuk melalui pemilihan data yang bersifat selektif. Senarai peribahasa berunsurkan anjing yang dikelaskan dalam domain peri laku sosial negatif berserta maksud dan nilai peri laku yang dikenal pasti ini dipaparkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Senarai peribahasa berunsurkan anjing dalam domain peri laku sosial negatif.

Bil.	Peribahasa	Maksud	Nilai Peri Laku
1.	Anjing tiada bercawat ekor (189-MS11)	Sesuatu yang hina dan tidak berguna	Mendedahkan aib
2.	Melepaskan anjing tersepit, sudah lepas dia menggigit (2423-MS134)	Menolong orang yang tidak tahu berterima kasih	Khianat
3.	Seperti anjing dengan kucing (3401-MS185)	Selalu bertengkar	Perseteraan
4.	Bagai anjing menggonggong bangkai (3406-MS185)	Lelaki jahat yang membawa perempuan jahat	Perangai jahat
5.	Seperti anjing mengunyah tulang (3409-MS185)	Selalu bersungut-sungut	Suka merungut
6.	Umpama anjing makan muntahnya (4267-MS228)	Orang yang tamak dan gelojoh tidak memilih (keji atau terlarang) apa-apa yang akan dibuatnya	Tamak/gelojoh

Setelah data kajian ditentukan, prosedur analisis diteruskan dengan mendapatkan data korpus sebagai data sokongan bagi menganalisis penggunaan peribahasa dalam konteks ujaran sebenar. Data korpus ini diperoleh melalui Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka yang

dapat dicapai menerusi laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). Carian dilakukan menggunakan kata kunci umum “anjing”. Daripada hasil carian tersebut, pengkaji mengenal pasti dan memilih contoh ujaran yang mengandungi peribahasa “seperti anjing dengan kucing” berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan.

Jumlah keseluruhan konkordans tidak direkodkan secara kuantitatif kerana hasil carian “anjing” turut memaparkan pelbagai penggunaan leksikal yang tidak merujuk peribahasa ini. Oleh itu, pemilihan contoh ayat dilakukan berdasarkan penemuan awal yang relevan dengan fokus kajian. Kajian ini tidak menetapkan genre tertentu, seperti akhbar, buku atau majalah, kerana tujuan penggunaan korpus adalah sebagai data sokongan untuk menunjukkan penggunaan dalam konteks komunikasi sebenar, bukannya untuk analisis frekuensi atau perbandingan genre. Dalam konteks ini, data korpus berfungsi sebagai triangulasi empirikal bagi menyokong interpretasi semantik dan pragmatik yang dilakukan, sekali gus membantu meminimumkan kecenderungan tafsiran yang bersifat subjektif.


Dalam penganalisan data terpilih, prinsip teori relevans oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995), serta rangkaujuk silang (RRS) oleh Kempson (1986) diaplikasikan bagi menjelaskan hubungan antara konteks, makna dan kesan kognitif untuk memahami makna peribahasa. Analisis data seterusnya dilakukan dengan menggunakan kerangka semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014).

Kerangka semantik inkuisitif menggariskan pendekatan analisis berperingkat bagi memahami makna peribahasa Melayu secara lebih mendalam. Analisis bermula dengan langkah satu atau tahap pertama, iaitu semantik skrip yang memfokuskan makna permukaan atau makna tersurat berdasarkan rujukan kamus berautoriti, seperti *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016) dan *Kamus Dewan Perdana* (2021). Walau bagaimanapun, makna pada tahap ini masih bersifat terbatas kerana belum dapat menghubungkan bahasa dengan kognitif penutur.

Oleh itu, langkah kedua dikembangkan pada analisis tahap kedua, iaitu semantik resonans yang menghubungkan makna peribahasa dengan data sebenar melalui penggunaan RRS dan prinsip teori relevans. Pada tahap ini, aspek konteks, kesan kognitif dan usaha memproses diambil kira bagi menjelaskan cara makna peribahasa difahami dalam situasi komunikasi sebenar. Oleh sebab analisis pada tahap ini masih belum mencukupi untuk menyingkap akal budi penutur jati secara menyeluruh, langkah ketiga atau tahap ketiga, iaitu semantik inkuisitif, diaplikasikan.

Pada tahap semantik inkuisitif, pengkaji meneliti makna implisit secara lebih mendalam dengan secara kritis mempersoalkan kerasionalan pemilihan leksikal dan imej dalam peribahasa. Pendekatan ini dilakukan untuk membongkar falsafah, latar budaya dan kebijaksanaan pemikiran masyarakat Melayu yang melatari pembentukan peribahasa tersebut.

Dengan berdasarkan huraian tahap analisis semantik inkuisitif yang diperincikan, pendekatan tersebut dapat distrukturkan secara lebih sistematik sebagai suatu prosedur analisis yang bersifat eksplisit dan dapat diulang oleh penyelidik yang lain. Kerangka semantik inkuisitif ini menggariskan satu pendekatan analisis berperingkat yang dapat digunakan melalui prosedur yang jelas, tersusun dan konsisten seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



**Rajah 1** Prosedur analisis semantik inkuisitif.

Sebagai keterbatasan metodologi, kajian ini hanya menggunakan satu sumber kamus utama, menumpukan satu domain dan satu peribahasa untuk analisis secara mendalam, serta tidak melibatkan analisis kuantitatif frekuensi korpus. Oleh itu, dapatan kajian tidak bertujuan untuk membuat generalisasi terhadap keseluruhan peribahasa berunsurkan anjing, sebaliknya memperlihatkan kekuatan analitik pendekatan semantik inkuisitif bagi menelusuri makna dan falsafah secara mendalam.

## ANALISIS

Dalam bahagian analisis ini, peribahasa “seperti anjing dengan kucing” dipilih untuk dianalisis dan dibincangkan secara mendalam. Peribahasa ini dipilih bagi membezakan dua peri laku sosial yang digambarkan melalui perlambangan imej fauna, iaitu peri laku sosial negatif dan peri laku sosial positif. Dalam peribahasa ini, imej anjing dikonsepsikan sebagai pencetus peri laku sosial negatif, manakala kucing dilambangkan sebagai subjek yang lemah dan tidak agresif (Imran Ho Abdullah, 2011; Nurul Nadia Muhammad & Sabariah Md Rashid, 2014). Perbandingan ini membolehkan pengkaji meneliti cara masyarakat Melayu memetakan hierarki moral dan sosial melalui pemilihan imej haiwan.

Seterusnya, Jadual 2 memaparkan data peribahasa yang dianalisis, berserta maksud dan subjek konotasi peri laku sosial negatif yang dikenal pasti berdasarkan makna harfiahnya.

**Jadual 2** Data kajian.

Kod Data	Peribahasa	Maksud	Nilai Peri Laku
3401-MS185	Seperti anjing dengan kucing	Selalu bertengkar	Perseteraan

### Analisis Peribahasa “Seperti Anjing dengan Kucing”

Analisis dilakukan secara bertahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

#### *Tahap 1: Analisis Semantik Skrip*

Pada tahap ini, analisis memfokuskan makna permukaan peribahasa, iaitu makna kamus yang diperoleh daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (Abdullah Hussain, 2016). Peribahasa “seperti anjing dengan kucing” yang dinyatakan ialah selalu bertengkar. Selain itu, makna literal bagi setiap leksikal dalam peribahasa ini turut dihuraikan dengan merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016) dan *Kamus Dewan Perdana* (2021).

***Peribahasa***

Seperti anjing dengan kucing

***Makna Kamus***

Selalu bertengkar

***Makna Literal Leksikal***

Leksikal dalam peribahasa ini terdiri daripada empat unsur utama yang mempunyai makna literal yang tersendiri. Ungkapan **seperti** mempunyai makna bandingan atau persamaan. Leksikal **anjing** merujuk haiwan mamalia daripada spesies *Canis lupus familiaris* yang menyalak dan digunakan sebagai haiwan penjaga, atau hidup liar. Kata **dengan** berfungsi sebagai penghubung yang membawa maksud bersama atau disertai. Leksikal **kucing** pula merujuk haiwan mamalia kecil yang berbulu lembut daripada spesies *Felis catus* yang sering dipelihara dan terkenal dengan sifatnya yang manja dan jinak. Semua makna literal ini menjadi asas bagi pembentukan makna kiasan peribahasa yang menggunakan imej kedua-dua haiwan tersebut.

Walau bagaimanapun, makna pada tahap ini masih bersifat permukaan dan belum dapat menjelaskan kerasionalan pemilihan imej anjing dan kucing sebagai perlambangan perseteruan dalam konteks budaya Melayu.

***Tahap 2: Analisis Semantik Resonans***

Pengetahuan tentang maksud peribahasa sepatutnya tidak dihadkan pada makna permukaan sahaja kerana tidak dapat menjelaskan kewajarannya secara kognitif. Peribahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu terdahulu mempunyai tujuannya yang tersendiri melalui perlambangan menggunakan objek dan imej tertentu. Dengan merujuk peribahasa “seperti anjing dengan kucing”, peribahasa ini mengkomunikasikan sifat semula jadi kedua-dua haiwan ini apabila bertemu. Kebiasaannya, pertemuan antara anjing dengan kucing pasti mencetuskan perbalahan atau pergaduhan. Pembuktian linguistik yang ditemukan dalam data korpus turut menyerlahkan gandingan imej antara “anjing” dengan “kucing” yang digunakan dalam peribahasa ini bagi menggambarkan “perseteruan”. Yang berikut ialah tiga contoh ujaran daripada Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (1) Hah! si dia dah semakin sayang, jangan nak buat perangai pulak. Kamu ni memang macam tu suka sangat cari pasal. Hidup aman dan tenteram sering membuat kamu susah hati. Heiii! **macam anjing dengan kucing.** (*Remaja*, 1997)
  
- (2) “Sudah Tina! Jangan pedulikan mereka!” pujuk Hamimah. Dia takut meletus satu pergaduhan. Tidak manis bergaduh di khalayak ramai. Apalagi pergaduhan antara lelaki dan perempuan. Memalukan. **Bagai anjing dengan kucing**, kata peribahasa Melayu. (*Senapang Bemban*, 1988)
  
- (3) Panas berpeluh hingga ke dahi,  
Pakai baju tidak berkancing;  
Adik-beradik jangan berkelahi,  
**Seperti anjing dengan kucing.**

(*Kumpulan Pantun Setaman*, 2016)

### ***Analisis Rangka Rujuk Silang***

Dengan berdasarkan tiga contoh ujaran daripada Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, peribahasa “seperti anjing dengan kucing” hadir dalam konteks pertelingkahan interpersonal yang berulang dan sukar didamaikan. Ketiga-tiga data memaparkan ciri kontekstual yang konsisten, iaitu wujudnya hubungan sosial yang tegang antara dua pihak yang cenderung untuk mencetuskan konflik apabila bertemu.

Dalam ujaran (1), peribahasa digunakan dalam nada sindiran dan teguran: “Heiii! macam anjing dengan kucing.” Ujaran ini hadir selepas pengucap menggambarkan kecenderungan individu tertentu untuk “cari pasal” dan tidak senang dengan keadaan yang aman. Walaupun tidak dinyatakan secara eksplisit kata “bertemu”, unsur semantik yang merujuk kecenderungan untuk mencetuskan konflik menjadi premis tambahan yang membimbing interpretasi makna. RRS dalam konteks ini menghubungkan sifat “tidak boleh aman” dengan gambaran dua entiti yang pantang bersua.

Dalam ujaran (2), frasa “Bagai anjing dengan kucing, kata peribahasa Melayu” muncul selepas naratif yang menggambarkan kebimbangan tentang tercetusnya pergaduhan dalam khalayak. Premis tambahan, seperti “takut meletus satu pergaduhan” dan “tidak manis bergaduh di khalayak ramai” berfungsi sebagai penguat makna. RRS membolehkan pembaca menghubungkan situasi konflik antara lelaki dengan perempuan tersebut dengan gambaran stereotaip dua haiwan yang pasti bergaduh apabila bertemu.

Dalam ujaran (3) pula, peribahasa digunakan dalam bentuk nasihat berbentuk pantun, iaitu:

“Adik-beradik jangan berkelahi,  
**Seperti anjing dengan kucing.”**

Kewujudan leksikal “jangan berkelahi” menjadi pembuktian linguistik yang jelas terhadap makna sasaran. RRS menghubungkan larangan tersebut dengan gambaran konflik yang kronik dan berulang. Walaupun konteksnya berbeza daripada ujaran (1) dan ujaran (2), iaitu hubungan kekeluargaan, asas rujukan silang tetap sama, iaitu konflik yang berulang setiap kali interaksi berlaku.

Melalui ketiga-tiga data ini, dapat diperhatikan bahawa RRS berfungsi dengan mengenal pasti premis tambahan dalam bentuk leksikal, seperti “cari pasal”, “meletus pergaduhan”, “bergaduh” dan “berkelahi”. Premis ini bertindak sebagai pengukuh makna dan membantu pembaca menyingkap maksud sebenar peribahasa tersebut. Gambaran dua haiwan yang sering dilihat bermusuhan menjadi asas rujukan silang yang stabil dalam budaya Melayu. Oleh itu, RRS menjelaskan bahawa makna peribahasa tidak berdiri secara terasing, sebaliknya diperkukuh oleh jaringan konteks yang menyertainya.

### ***Analisis Teori Relevans***

Dengan berdasarkan kerangka teori relevans, pemahaman terhadap peribahasa “seperti anjing dengan kucing” bergantung pada interaksi antara andaian awal pembaca dengan maklumat baharu yang dipersembahkan dalam teks. Pembaca lazimnya mempunyai pengetahuan ensiklopedik bahawa anjing dan kucing sering digambarkan sebagai dua haiwan yang tidak serasi dan cenderung untuk bermusuhan. Andaian awal ini menjadi asas bagi pembentukan kesan konteks.

Dalam ujaran (1), ujaran (2) dan ujaran (3), maklumat tambahan yang berkaitan dengan konflik berfungsi untuk meningkatkan kesan konteks tanpa memerlukan usaha pemprosesan yang tinggi. Prinsip relevans optimum tercapai apabila pembaca memperoleh kesan kognitif yang memadai dengan usaha pemprosesan yang rendah. Kekaburan makna harfiah, iaitu sekadar gambaran dua haiwan, dapat diatasi kerana konteks menyediakan petunjuk yang mencukupi untuk mentafsir makna kiasan sebagai pertelingkahan antara manusia.

Dalam ujaran (2), misalnya, kebimbangan akan “meletus satu pergaduhan” menyediakan konteks yang sangat jelas, sekali gus mengurangkan keperluan inferens tambahan. Dalam ujaran (3), larangan “jangan berkelahi” secara langsung membimbing pembaca terhadap tafsiran konflik interpersonal. Oleh itu, kesan konteks yang terhasil tinggi, manakala usaha pemrosesan secara relatifnya rendah kerana pembaca hanya perlu mengaktifkan skema pengetahuan sedia ada tentang hubungan antara anjing dengan kucing.

Walau bagaimanapun, analisis berdasarkan teori relevans ini terhad pada tahap kognitif dan pragmatik ketika proses pemahaman. Peringkat ini hanya menjelaskan mekanisme interpretasi, tetapi belum menjawab persoalan yang lebih mendasar, iaitu kerasionalan budaya di balik pemilihan imej “anjing” dan “kucing” dalam peribahasa ini. Persoalan tentang sebab dua haiwan ini dipilih untuk melambangkan perseteruan sosial, dan bukan imej lain memerlukan penerokaan pada tahap semantik inkuisitif yang menelusuri latar budaya, pengalaman kolektif dan akal budi masyarakat Melayu dalam pembentukan perlambangan tersebut.

Sehubungan dengan itu, analisis semantik resonans melalui RRS dan teori relevans berjaya menjelaskan proses pemaknaan dalam konteks komunikasi sebenar. Namun begitu, untuk memahami falsafah dan nilai budaya yang mendasari pemilihan imej tersebut, analisis perlu dilanjutkan pada tahap semantik inkuisitif.

### ***Tahap 3: Semantik Inkuisitif***

Pada tahap ini, persoalan yang wajar dikemukakan ialah sebab masyarakat Melayu dahulu kala memilih imej anjing seperti dalam kiasan tentang individu yang sentiasa bertengkar sedangkan terdapat pelbagai lagi haiwan lain dalam lingkungan kehidupannya. Persoalan ini secara langsung mendasari objektif kajian untuk menganalisis kerasionalan pemilihan imej anjing dalam peribahasa Melayu melalui pendekatan semantik inkuisitif. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014), pemilihan imej ini tidak bersifat rawak, sebaliknya berakar umbi daripada latar keagamaan, pengalaman budaya dan kerangka kognitif yang akhirnya membentuk akal budi masyarakat Melayu dalam penghasilan makna peribahasa tersebut.

Meskipun anjing (*Canis lupus familiaris*) diiktiraf secara global sebagai haiwan domestik yang mempunyai pelbagai fungsi utilitarian,

kedudukannya dalam sosiokognitif masyarakat Melayu dicorakkan secara khusus oleh pegangan agama Islam. Perbezaan persepsi ini berakar umbi daripada hukum syarak yang mengkategorikan anjing sebagai najis berat (mughallazah), sekali gus membentuk pandangan sarwa bahawa haiwan ini bersifat kotor, hina dan jijik (Dinie Asyraf Salehan et al., 2018). Kerangka pemikiran sedemikian akhirnya menjadi asas bagi pembentukan konotasi negatif dalam peribahasa Melayu yang lazimnya menggunakan imej anjing untuk menggambarkan sifat atau tingkah laku manusia yang rendah martabatnya.

Pengaruh ajaran Islam dalam pembentukan pandangan ini dapat dilihat melalui hadis Nabi SAW yang menjadi panduan hidup bagi penganutnya. Antaranya termasuklah hadis yang menyatakan kesan rohani bagi orang yang memelihara anjing tanpa keperluan mendesak, iaitu “Sesiapa yang memelihara anjing bukan untuk tujuan perburuan, menjaga binatang ternakan atau menjaga kebun, maka pahalanya akan berkurang sebanyak dua qirath pada setiap hari” (Riwayat Muslim, hadis no. 1574).

Hadis ini menunjukkan bahawa pemeliharaan anjing tanpa sebab yang dibenarkan oleh agama menyebabkan kerugian besar dari segi pahala. Bagi orang Melayu, amaran tentang “hilangnya pahala” ini membina tanggapan bahawa anjing ialah haiwan yang dilarang untuk dipelihara tanpa sebab yang dinyatakan dalam hadis. Kesedaran agama ini kemudiannya meresap dalam pemikiran masyarakat dan diterjemahkan melalui bahasa. Inilah sebabnya imej anjing sering dipilih untuk mewakili perlakuan yang bersifat negatif dalam kebanyakan peribahasa Melayu (Imran Ho Abdullah, 2011).

Selain itu, terdapat juga hadis yang menjelaskan bahawa kehadiran anjing di dalam rumah menghalang malaikat rahmat daripada memasukinya, iaitu “Malaikat tidak masuk ke dalam rumah yang di dalamnya terdapat anjing dan patung makhluk bernyawa” (Riwayat al-Bukhari, hadis no. 3225).

Hadis ini mengukuhkan kedudukan anjing sebagai simbol sesuatu yang bertentangan dengan konsep kesucian dan keberkatan. Dalam sistem bahasa, konsep “tidak suci” ini dipindahkan secara metafora untuk menggambarkan sifat atau tingkah laku manusia yang dianggap dapat mencemarkan kemuliaan akhlak dan nilai murni masyarakat. Kefahaman ini diterjemahkan dalam kehidupan masyarakat Melayu, bukan sahaja pada tahap amalan harian, tetapi turut meresap dalam sistem perlambangan bahasa, termasuklah peribahasa sebagai medium untuk menyampaikan teguran dan penilaian moral secara kiasan (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

Selari dengan penjelasan hadis tersebut, menurut Al-Hafiz Ishak (2023), menerusi laman sesawang Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, ulama bersepakat bahawa hukum memelihara anjing tanpa sebab yang dibenarkan syarak adalah haram, manakala pemeliharaannya bagi tujuan perburuan atau menjaga keselamatan, dibenarkan. Dalam Mazhab Syafi'i, anjing dikategorikan sebagai najis berat (mughallazah) yang memerlukan cara penyucian yang khusus (Al-Hafiz Ishak, 2023). Ketetapan hukum ini membentuk jarak fizikal dan simbolik antara masyarakat Melayu Islam dengan anjing. Dalam hal ini, analisis yang dilakukan tertumpu pada cara nilai keagamaan tersebut membentuk pemaknaan simbolik dalam budaya dan bahasa, bukannya untuk memberikan penilaian buruk secara literal terhadap haiwan berkenaan sebagai makhluk ciptaan Allah SWT.

Walaupun Islam mengajar manusia supaya berbuat baik terhadap semua makhluk, termasuklah anjing, nilai kasih sayang ini tidak menghalang masyarakat daripada mempunyai pandangan negatif terhadap haiwan tersebut dalam bahasa kiasan. Bagi orang Melayu, rasa hormat terhadap nyawa anjing sebagai ciptaan Allah SWT tetap ada, tetapi batasan agama, seperti hukum najis, mewujudkan jarak antara manusia dengan haiwan ini dalam kehidupan seharian (Al-Hafiz Ishak, 2023).

Selain faktor agama, rasa takut terhadap anjing turut berpunca daripada faktor keselamatan yang mengancam nyawa. Sejak dahulu, kehadiran anjing liar yang agresif dan risiko penyakit anjing gila (rabies) mewujudkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat. Kebimbangan ini diperkukuh oleh fakta semasa, seperti wabak rabies di Sarawak yang mencatatkan 78 kematian daripada 85 kes jangkitan manusia sejak diisytiharkan pada bulan Julai 2017 (Mohd Roji Kawi, 2025). Angka kematian yang tinggi ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi kedudukan anjing sebagai simbol ancaman dan bahaya dalam pemikiran kolektif masyarakat. Dari sudut cara hidup pula, kebanyakan orang Melayu pada zaman dahulu bekerja sebagai pesawah atau penoreh getah yang tidak memerlukan bantuan anjing. Hal ini berbeza daripada masyarakat di Barat atau Timur Tengah yang membela haiwan ternakan, seperti lembu dan kambing, dalam skala besar dan khidmat anjing sangat diperlukan untuk menjaga ternakan (Hasnul Ismail, 2011). Anjing dianggap sebagai "asing" dalam budaya Melayu kerana haiwan ini jarang-jarang ada dalam rutin harian.

Gabungan faktor agama, risiko kesihatan dan cara hidup ini akhirnya menjadikan anjing sebagai simbol yang negatif. Malah, perbuatan menggelar manusia sebagai "anjing" dianggap suatu penghinaan bagi hampir semua budaya di dunia (Allan & BurrIDGE, 2009). Dalam konteks Melayu, perasaan negatif ini menjadi lebih kuat kerana disokong oleh

kedudukan anjing sebagai najis berat (Dinie Asyraf Salehan et al., 2018). Itulah sebabnya pertembungan antara sifat anjing yang garang dengan kucing yang suka mempertahankan diri sering digunakan dalam peribahasa untuk menggambarkan dua orang yang sentiasa bertengkar dan sukar didamaikan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hampir seluruh peribahasa Melayu yang menggunakan imej anjing memperlihatkan konotasi negatif. Anjing dilambangkan sebagai simbol sifat hina, jahat dan tamak, sejajar dengan kedudukannya dalam kerangka hukum Islam dan sistem nilai budaya Melayu. Pola ini memperlihatkan kecenderungan pemaknaan yang konsisten antara struktur bahasa dengan latar sosiobudaya masyarakat penuturnya.

Sehubungan dengan itu, dapatan Imran Ho Abdullah (2011) yang menunjukkan bahawa sebanyak 74 peratus peribahasa Melayu yang bersumberkan imej anjing yang merujuk peri laku manusia yang bersifat negatif digunakan dalam kajian ini sebagai sokongan perbandingan dan justifikasi tambahan terhadap pemilihan data. Secara perbandingan, angka kuantitatif tersebut memperlihatkan kecenderungan umum dalam korpus peribahasa Melayu. Analisis kualitatif dalam kajian ini pula meneliti kerasionalan pemaknaan dan pembinaan simbol tersebut secara lebih mendalam. Dengan erti kata lain, dapatan Imran Ho Abdullah (2011) berfungsi untuk mengukuhkan keselarasan pola makna yang dikenal pasti, sekali gus menyokong pemilihan peribahasa berunsurkan imej anjing sebagai data yang signifikan untuk dianalisis. Oleh itu, pemilihan imej anjing dalam peribahasa Melayu bukan sekadar refleksi pemerhatian terhadap alam, tetapi manifestasi akal budi Melayu yang dipandu oleh nilai agama, norma sosial dan pengalaman budaya kolektif yang terakam dalam sistem bahasa.

Seterusnya, bagi menjelaskan perbandingan antara peri laku sosial negatif dengan peri laku sosial positif dalam peribahasa “seperti anjing dengan kucing” ini, kewujudan imej kucing perlu dipersoalkan. Berbeza daripada anjing, kucing atau nama saintifiknya *felis catus* dalam masyarakat Melayu tidak dipandang negatif walaupun terdapat beberapa peribahasa Melayu yang menggambarkan sikap dan kelakuan negatif manusia dengan kucing. Peribahasa yang menggunakan imej kucing dalam masyarakat Melayu tidak banyak menggambarkan perlakuan yang jahat atau hina, tetapi lebih cenderung untuk memberikan kiasan tentang sikap dan perbuatan seseorang yang mempunyai pelbagai ragam kerana kucing ialah haiwan peliharaan yang manja, lemah lembut dan menjadi haiwan kesayangan hampir semua manusia (Nurul Nadia Muhammad &

Sabariah Md Rashid, 2014). Hal ini dapat dibuktikan dengan beberapa peribahasa berunsurkan kucing yang dipetik daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (2016) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Contoh peribahasa bersumberkan kucing.

<b>Kod Data</b>	<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud</b>	<b>Nilai Tingkah Laku</b>
<b>155-MS9</b>	Anak kucing menjadi harimau	Orang yang asalnya kecil/lemah kemudian menjadi besar/berkuasa dan digeruni	Daripada lemah kepada berkuasa
<b>398-MS22</b>	Bagai kucing main daun	Keadaan hidup/riuh rendah atau perihal kehebatan seseorang	Kehebatan seseorang
<b>401-MS22</b>	Bagai kucing tidur di bantal	Hidup yang senang dan mewah	Hidup dalam kemewahan
<b>680-MS36</b>	Berbelok kucing main daun	Perihal ketangkasan pahlawan yang melompat/mengelak dalam perlawanan	Ketangkasan berlawan
<b>2061-MS114</b>	Kucing lalu, tikus tiada berdecit lagi	Apabila orang yang ditakuti tiba, orang yang bisung/jahat terus diam ketakutan	Takut pada seseorang

Melalui penelitian yang dilakukan terhadap kelompok peribahasa yang bersumberkan kucing, pengkaji mendapati bahawa imej kucing dalam peribahasa Melayu tidak menggambarkan wataknya sebagai pelaku yang jahat dan hina, melainkan hanya dalam sebilangan kecil ungkapan tertentu. Menurut Dinie Asyraf Salehan et al. (2018), watak kucing kurang sesuai digambarkan secara negatif berdasarkan sifatnya yang lemah lembut, manja dan menjadi haiwan kesayangan dalam kehidupan manusia. Dari perspektif Islam pula, kucing bukanlah haiwan yang kotor dan tidak dianggap najis apabila disentuh (Zulkifli Al-Bakri, 2024). Selain itu, kucing merupakan haiwan yang lazimnya hidup berdampingan dengan manusia dan menjadi sebahagian daripada sekitaran domestik masyarakat (Dinie Asyraf Salehan et al., 2018). Dengan berdasarkan penjelasan ini,

pemilihan imej kucing dalam peribahasa Melayu mencerminkan akal budi masyarakat yang melihat alam secara selektif dan berteraskan nilai, sekaligus memperlihatkan bahawa proses pemaknaan imej haiwan digerakkan oleh pertimbangan budaya dan agama yang saling melengkapi.

Dengan merujuk peribahasa “seperti anjing dengan kucing”, pengkaji berpendapat bahawa maksud sebenar yang ingin disampaikan dalam penciptaan peribahasa ini bukanlah sekadar metafora bagi situasi dua individu yang sering bertengkar dan berkelahi apabila bertemu. Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa penggunaan imej “anjing” dan “kucing” dalam peribahasa ini cuba mengkomunikasikan darjat atau kedudukan watak pelaku dalam peribahasa ini, iaitu anjing diumpamakan sebagai orang yang jahat dan hina, manakala kucing digambarkan sebagai orang yang baik dan mulia.

Peribahasa ini pada dasarnya menunjukkan bahawa kejahatan tidak dapat disatukan dengan dengan kebaikan. Dua individu yang sering bertengkar dan bergaduh yang digambarkan seperti keadaan anjing dengan kucing apabila bertemu dalam peribahasa ini menunjukkan ciri provokasi atau dorongan oleh sebelah pihak untuk mencetuskan pertelingkahan yang akhirnya mencetuskan pergaduhan. Situasi ini dapat dilihat apabila anjing bertindak dengan menyalak ketika bertembung dengan kucing dan menyebabkan kucing tersebut berasa terancam. Keadaan ini akan menimbulkan perasaan panik dalam diri kucing. Secara tidak langsung, haiwan tersebut akan bertindak untuk mempertahankan diri yang akhirnya mencetuskan pergaduhan apabila diserang. Menurut Dinie Asyraf Salehan et al. (2018), secara alamiahnya, kucing tidak akan sengaja untuk mencari dan menyerang anjing kerana kucing mempunyai ciri manja, lembut dan kurang sesuai untuk dipetakan dengan konsep negatif berbanding dengan anjing.

Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa analisis makna peribahasa “seperti anjing dengan kucing” menggunakan pandangan semantik inkuisitif berjaya mencungkil falsafah dan akal budi Melayu. Penggunaan objek dan imej dalam ungkapan peribahasa yang dikiaskan dengan keadaan keliling dilihat menunjukkan kebijaksanaan dan ketinggian pemikiran masyarakat Melayu dalam aspek pemerhatian dan pengamatan terhadap unsur alam.

## **PERBINCANGAN**

Dengan berdasarkan analisis yang dilakukan, khususnya melalui penerapan pendekatan semantik inkuisitif pada Tahap 3, jelaslah bahawa pemilihan imej anjing dalam peribahasa Melayu digerakkan oleh pertimbangan agama dan sistem nilai yang membentuk kognisi masyarakat Melayu.

Dapatan ini selari dengan pandangan Nor Hashimah Jalaluddin (2014) yang menegaskan bahawa makna peribahasa Melayu tidak dapat difahami secara menyeluruh tanpa meneliti alasan budaya dan falsafah yang melatari pemilihan sesuatu imej. Dalam konteks ini, peribahasa berunsurkan anjing memperlihatkan cara bahasa berfungsi sebagai wahana untuk menzahirkan penilaian moral dan pandangan hidup masyarakat Melayu.

Pengaruh hukum Islam sebagai penentu makna merupakan aspek utama yang membentuk pemaknaan imej anjing. Analisis menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tidak menilai anjing berdasarkan fungsi utilitinya semata-mata, walaupun dalam banyak budaya lain, anjing dihargai sebagai haiwan yang setia dan berguna. Sebaliknya, kognisi Melayu dipandu oleh kedudukan anjing sebagai najis mughallazah dalam ajaran Islam. Penekanan terhadap konsep kesucian dan taharah menyebabkan segala sifat anjing dipetakan kepada ciri negatif, seperti kekotoran, kehinaan dan keburukan akhlak. Hal ini selari dengan dapatan Dinie Asyraf Salehan et al. (2018) yang menjelaskan bahawa imej anjing dalam budaya Melayu sering dikaitkan dengan sifat hina dan tercela disebabkan oleh pengaruh kuat ajaran agama terhadap penilaian moral masyarakat.

Dapatan ini turut disokong oleh Imran Ho Abdullah (2011) yang mendapati bahawa sebahagian besar peribahasa Melayu yang berunsurkan anjing merujuk sifat manusia yang negatif. Penemuan tersebut mengukuhkan hujah bahawa pemilihan imej anjing bukanlah bersifat rawak, sebaliknya mencerminkan satu pola pemaknaan yang konsisten dalam budaya Melayu. Dengan erti kata lain, agama bukan sekadar mempengaruhi amalan kehidupan seharian, tetapi turut berfungsi sebagai penapis kognitif dalam pembentukan makna bahasa, khususnya dalam ungkapan kiasan seperti peribahasa.

Selain faktor agama, peribahasa “seperti anjing dengan kucing” turut memperlihatkan penggunaan simbolisme kontradiksi sosial sebagai strategi komunikasi budaya. Gandingan antara imej anjing dengan imej kucing membentuk pasangan oposisi yang memetakan pertembungan antara nilai negatif dengan nilai positif. Anjing digambarkan sebagai pihak yang agresif, provokatif dan cenderung untuk mencetuskan konflik, manakala kucing dilambangkan sebagai pihak yang lebih lemah, defensif dan tidak cenderung untuk berkonfrontasi. Pendekatan ini selari dengan pandangan Muhammad Zaid Daud et al. (2021) yang menyatakan bahawa masyarakat Melayu memanfaatkan perlambangan alam untuk membezakan sifat terpuji dan tercela dalam kalangan manusia.

Imej kucing dalam peribahasa Melayu pula memperlihatkan kecenderungan makna yang lebih neutral atau positif. Dalam hal ini,

Nurul Nadia Muhammad dan Sabariah Md Rashid (2014) menunjukkan bahawa kucing jarang-jarang dipetakan sebagai lambang kejahatan dalam peribahasa Melayu, sebaliknya lebih kerap digunakan untuk menggambarkan ragam manusia, kelembutan atau keadaan hidup tertentu. Hal ini sejajar dengan pandangan Dinie Asyraf Salehan et al. (2018) yang menyatakan bahawa kucing kurang sesuai dipetakan kepada sifat negatif kerana sifat semula jadinya yang manja dan jinak, serta kedudukannya yang tidak dianggap sebagai najis dalam Islam.

Melalui analisis ini, jelaslah bahawa peribahasa “seperti anjing dengan kucing” bukan sekadar metafora bagi situasi dua individu yang sering bertengkar. Sebaliknya, peribahasa ini memetakan suatu hierarki moral yang tersirat, iaitu kedudukan antara pihak yang mencetuskan keburukan dengan pihak yang bersifat defensif atau menjadi mangsa. Pemetaan ini memperlihatkan bahawa konflik yang digambarkan bukan bersifat neutral, tetapi sarat dengan penilaian nilai yang menstrukturkan persepsi masyarakat terhadap tingkah laku manusia. Tafsiran ini menyokong pandangan bahawa peribahasa Melayu berfungsi sebagai medium pendidikan sosial yang halus apabila teguran dan nasihat disampaikan melalui perlambangan yang dekat dengan pengalaman seharian. Seperti yang ditegaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014), kebijaksanaan orang Melayu terletak pada keupayaan untuk menyampaikan kritikan sosial secara tidak langsung melalui bahasa kiasan yang padat dengan makna tersirat.

Secara keseluruhan, perbincangan ini mengukuhkan dapatan bahawa peribahasa Melayu berunsurkan anjing merupakan manifestasi akal budi Melayu yang berakar pada agama dan budaya. Pemilihan imej anjing sebagai simbol keburukan bukan bertujuan untuk merendahkan haiwan tersebut secara literal, tetapi berfungsi sebagai strategi linguistik untuk memetakan dan menstrukturkan hierarki moral dalam masyarakat. Pendekatan semantik inkuisitif membolehkan lapisan makna ini dihuraikan secara sistematik, sekali gus memperlihatkan bahawa peribahasa Melayu ialah hasil pemikiran yang tersusun, kritis dan sarat dengan falsafah kehidupan.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini mendapati bahawa pemilihan imej anjing dalam peribahasa Melayu berkait rapat dengan sistem nilai, pegangan agama dan pengalaman budaya masyarakat Melayu. Melalui analisis semantik

inkuisitif terhadap peribahasa “seperti anjing dengan kucing”, imej anjing didapati berfungsi sebagai perlambangan terhadap peri laku sosial negatif, seperti perseteruan dan konflik, dalam hubungan interpersonal. Konotasi tersebut selaras dengan kerangka kognitif masyarakat Melayu yang dipengaruhi oleh pandangan agama Islam yang mengaitkan anjing dengan unsur kenajisan dan nilai sosial yang menolak sifat mazmumah. Dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa analisis semantik inkuisitif bersifat multidisiplin kerana pentafsiran makna peribahasa tidak hanya bergantung pada aspek linguistik semata-mata, tetapi turut melibatkan pertimbangan daripada bidang agama, budaya, sosiologi dan pengalaman hidup masyarakat Melayu. Melalui pendekatan ini, pemaknaan peribahasa dapat difahami secara lebih menyeluruh sebagai cerminan akal budi dan falsafah pemikiran masyarakat Melayu dalam penilaian peri laku sosial.

### **PENGHARGAAN**

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

### **SUMBANGAN PENGARANG**

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab terhadap seluruh penulisan makalah ini.

### **PENDANAAN**

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA**

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

### **PERISYTIHARAN**

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

### **RUJUKAN**

- Abdullah Hussain. (2016). *Kamus istimewa peribahasa Melayu edisi kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Bukhari, M. ibn Isma‘il. (t.t.). *Sahih al-Bukhari*, hadis no. 3225. <https://sunnah.com/bukhari:3225>

- Al-Hafiz Ishak. (2023, 15 Disember). Larangan menjadikan anjing sebagai haiwan peliharaan. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/5806-bayan-linnas-siri-ke-285-larangan-mengjadikan-anjing-sebagai-haiwan-peliharaan>
- Allan, K., & Burrige, K. (2009). *Forbidden words: Taboo and the censoring of language*. Cambridge University Press.
- Dinie Asyraf Salehan, Omrah Hassan @ Hussin, & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Metafora konsep manusia ialah haiwan dalam peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan metafora haiwan kesayangan. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(3), 17–27. <https://doi.org/10.17576/jatma-2018-0603-02>
- Dwi Rahma Wilda, Hermendra, & Mangatur Sinaga. (2024). Unsur alam dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 12(1), 41–51. <https://doi.org/10.24036/jbs.v12i1.127905>
- Encyclopedia Britannica*. (2024). Dog. <https://www.britannica.com/animal/dog>
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan* (ed. ke-2). Penerbit Universiti Malaya.
- Hasnul Ismail. (2011, 20 Julai). Dogs are considered a “taboo” in Malay/Muslim societies, or are they? *Internet Journal for Cultural Studies (TRANS)*, (No.18). <http://www.inst.at/trans/18Nr/II-18/ismail18.htm>
- Imran Ho Abdullah. (2011). Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (*canis familiaris*). *GEMA: Journal of Language Studies II*(1), 125–141. <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/71>
- Julaina Nopiah, Mohammad Aasim Addli, & Maizura Osman. (2023). Cerminan kuasa melalui peribahasa Melayu yang berobjekkan ‘gajah’ dan ‘harimau’: Analisis semantik inkuisitif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 241–266. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.11>
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Perdana*. (2021). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. Dlm. C. Travis (Pynt.), *Meaning and interpretation* (hlm. 135–154). Basil Blackwell.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif* (ed. ke-3). Universiti Putra Malaysia Press.
- Mohamad Afiq Hidayat Mohamad Helni, & Nurul Jamilah Rosly. (2025). Leksikal harimau dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 36(1), 85–99. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol36no1.6>
- Mohd Ridzuan Md Nasir, & Mary Fatimah Subet. (2024). Sorotan literatur bersistematik: Semantik inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran peribahasa Melayu sekolah menengah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 39(1), 171–190. <https://doi.org/10.21315/apjee2024.39.1.7>

- Mohd Roji Kawi. (2025, 20 September). 2 kematian tahun ini, rabies terus jadi ancaman di Sarawak. *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1266068/2-kematian-tahun-ini-rabies-terus-jadi-ancaman-di-sarawak>
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2022). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, 40(1), 179–213. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.9>
- Muhammad Zaid Daud, Nurul Aida Abdullah, & Mary Fatimah Subet. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 10(2), 24–44. <https://doi.org/10.33736/ils.2764.2021>
- Muslim ibn al-Hajjaj. (t.t.). *Sahih Muslim*, Kitab al-Musāqāt, hadis no. 1574. <https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5282-irsyad-al-fatwa-siri-ke-690>
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Nadia Muhammad, & Sabariah Md Rashid. (2014). Cat metaphors in Malay and English proverbs. *Procedia: Social and Behavioral Sciences*, 118, 335–342. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.02.046>
- Rynna Sha'erra Mindew Douglas, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2024). Akal budi dalam Sempama Jaku Iban berimejkan mamalia berdasarkan perspektif semantik inkuisitif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3(Julai), 97–117. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.5>
- Rynna Sha'erra Mindew Douglas, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2023). Reflection of reptiles in Iban mind: An inquisitive semantics approach. *Asian People Journal*, 6(2), 1–19. <https://doi.org/10.37231/apj.2023.6.2.318>
- Serpell, J. (1996). *In the company of animals: A study of human–animal relationships*. Cambridge University Press. [https://books.google.com/books/about/In\\_the\\_Company\\_of\\_Animals.html?id=v9gKhfo0MDgC](https://books.google.com/books/about/In_the_Company_of_Animals.html?id=v9gKhfo0MDgC)
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell Publishers.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Postface relevance: Communication and cognition*. Blackwell Publisher.
- Zulkifli Al-Bakri. (2024, 18 Julai). Bela kucing dalam rumah. *ZulkifliAlbakri.com*. <https://zulkifliAlbakri.com/artikel/bela-kucing-dalam-rumah/>